

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH (SABAK BERNAM)

SOALAN NO. 285

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah kemalangan yang melibatkan pekerja asing di tapak pembinaan dan apakah puncanya serta adakah Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan pegawai dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) bagi memantau tapak-tapak pembinaan yang terdedah kepada risiko kemalangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seramai 400 pekerja asing mengalami kemalangan di tapak pembinaan pada tahun 2017. Jumlah kemalangan ini telah berkurang 31% berbanding tahun 2016 iaitu 577 pekerja. Daripada jumlah itu, 112 pekerja asing maut akibat kemalangan pekerjaan di tapak bina, pada tahun 2017, menurun 3.4% berbanding 116 pada tahun 2016.
2. Di antara punca kemalangan di tapak bina ialah akibat daripada orang terjatuh (30%), dihempap oleh benda yang jatuh (16%), tersepit di dalam atau di antara benda-benda (9%), dan lain-lain (45%).
3. Sebanyak 18,110 tapak bina yang aktif beroperasi pada tahun 2018. Sebanyak 10,917 pemeriksaan tapak bina telah dijalankan dan 9,696 tindakan punitif dikenakan seperti pendakwaan, kompaun, notis larangan / perbaikan dan surat arahan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bilangan pegawai teknikal JKKP di Seksyen Kerja Bina seluruh Malaysia ialah 100 orang. Oleh itu, nisbah bilangan pegawai Seksyen Kerja Bina dengan bilangan tapak bina aktif ialah **1:181**. Namun, pemeriksaan tapak bina perlu dijalankan secara berkumpulan (2 – 3 orang pegawai JKKP), sekaligus akan membesarakan lagi nisbah di atas.

5. Bagaimanapun, bagi setiap projek pembinaan, majikan perlu menggaji seorang Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS), manakala bagi kerja pembinaan dengan kos projek melebihi RM20 juta, majikan perlu menggaji seorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO). Pada tahun 2018, terdapat seramai 4,501 orang SSS dan 4,078 SHO yang aktif dan berdaftar dengan JKKP, bagi memantau serta memastikan aspek KKP di projek pembinaan mereka. Nisbah jumlah SHO dan SSS dengan bilangan tapak bina aktif ialah **1:2**.

6. JKKP telah menerbitkan *Guidelines of Occupational Safety and Health in Construction Industry (Management) 2017* (OSHCIM). Garis panduan ini menitikberatkan tanggungjawab semua pihak iaitu pemunya, perekabentuk dan pembina atau kontraktor di semua peringkat pembinaan, dari rekabentuk sehingga ke peringkat perobohan. Dengan ini, risiko KKP di tapak pembinaan dapat dikenalpasti dan langkah-langkah kawalan awal dapat disediakan bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini. Pendekatan ini telah dilaksanakan di United Kingdom, Singapura dan lain-lain negara, dan didapati berkesan.

7. Melalui pelbagai inisiatif dan strategi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh JKKP seperti di atas, dan kerjasama semua pihak termasuk, majikan, pekerja dan pengamal KKP seperti SHO dan SSS, tahap KKP di tapak pembinaan seharusnya dapat ditingkatkan, sekaligus mengurangkan kadar kemalangan pekerjaan.